# KAEDAH MEMBACA



## 1. Kaedah Abjad

- Kaedah lama yang telah dipraktikkan oleh guru-guru sebelum kaedah lain diperkenalkan.
- Murid-murid diajar kesemua huruf.
- Murid-murid dikehendaki mengenal bentuk huruf mengikut susunannya.
- Murid-murid diajar mengeja perkataan dengan menyebut nama huruf yang terkandung dalam perkataan.




Contoh: **b o l a** = **bola**

# 2. Kaedah Pandang dan Sebut (*Look and Say*)



**buku**

- Juga dikenali sebagai '**Kaedah Seluruh Perkataan'** (***Whole Word Approach*).**
- Menunjukkan gambar terlebih dahulu dan memperkenalkan **seluruh perkataan**, bukannya huruf atau suku kata, diikuti oleh aktiviti menyebut.

## 3. Kaedah Sukukata




- Kenalkan semua huruf abjad a hingga z.
- Kenalkan huruf-huruf vokal.
- Gabung huruf konsonan dengan huruf vokal.

Contoh: **b** + **a** = **ba**

# 4. Kaedah Fonik




- Pendekatan ini mengajar murid mengenal perkataan melalui pengalaman bunyi.

**a = /a/**

# 5. Kaedah Gabungan Bunyi Kata (KGBK)




- Memperkenalkan bunyi vokal. Contoh: /**a**/,/**i**/, /**u**/
- Memperkenalkan bunyi  konsonan. Contoh: /**b**/
- Membina sukukata. Contoh: **ba   bi   bu**
- Membina perkataan. Contoh: **abu**, **ibu**, **ubi**, **bubu**
- Membina frasa. Contoh: **ibu abu**, **ubi abu**

# Membina Perbendaharaan Kata dalam Kemahiran Asas Membaca Menggunakan Pendekatan **‘Pandang dan Sebut‘**

# Kaedah Pandang dan Sebut

- **Membunyikan perkataan** atau **suku kata** berdasarkan **gambar** dan **membunyikan ayat** berdasarkan gambar yang ada cerita.
- Aktiviti ini membiasakan murid untuk **mengecam** perkataan atau ayat melalui **latih tubi** dan **tidak mengeja** perkataan atau ayat tersebut.
- Kaedah ini lebih praktikal kerana tumpuannya adalah kepada **perkataan dan ayat yang bermakna**.



**buku**

- Guru akan **menunjukkan gambar** terlebih dahulu kemudian murid akan **menyebut** perkataan yang ditulis pada kad imbas dengan bimbingan guru.
- Murid hanya perlu **mengecam gambar** dan **menyebut perkataan** berdasarkan gambar berkenaan.
- Setelah murid **menguasai** menyebut perkataan, barulah diperkenalkan kumpulan huruf yang membentuk perkataan berkenaan, contohnya 'buku' iaitu b + u + k + u = buku
- Perkataan diperkenalkan kepada murid dengan menggunakan kad imbas perkataan.
- Semasa kad tersebut ditunjukkan kepada murid, mereka akan menyebut perkataan tersebut beberapa kali.

- Melalui kaedah ini, pengajaran membaca adalah berdasarkan perkataan yang biasa digunakan seharian dalam pertuturan.

- Contohnya:
  - ✓ ibu
  - ✓ bapa
  - ✓ makan
  - ✓ buku
  - ✓ bola

…….dan sebagainya

# Fasa 1:
# Gambar + Perkataan



baju

# Fasa 2:
# Gambar + Frasa



**Ini baju**

# Fasa 3: Gambar + Ayat pendek



**Ini baju.**
**Ini baju saya.**
**Baju saya merah.**

# Fasa 4:
# Buku/Kad Bacaan Bergred



**Kad 1**



**Buku**

Ini buku.

Ini buku Baba.

Buku Baba baru.

Baba baru beli buku itu.

Baba suka baca buku itu.





**Kad 2**



**Bola**

Ini bola.

Ini bola Baba.

Bola Baba baru.

Baba baru beli bola itu.

Baba suka pada buku itu.

# Contoh Alat Bantu Mengajar






# Perbendaharaan Kata

- Boleh mengikut **tema** atau **kumpulan**.
- Contohnya:
  - ✓ Benda di dalam bilik darjah
  - ✓ Benda di rumah
  - ✓ Nama keluarga
  - ✓ Nama rakan-rakan
  - ✓ Nama guru-guru